



***BONGAI SEBAGAI MANIFESTASI BAHASA DAN BUDAYA  
BERDASARKAN PENDEKATAN SEMIOTIK***

**FAIZIAH HAJI SHAMSUDIN**

**FBMK 2015 90**



**BONGAI SEBAGAI MANIFESTASI BAHASA DAN BUDAYA BERDASARKAN  
PENDEKATAN SEMIOTIK**

Oleh

**FAIZIAH HAJI SHAMSUDIN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Oktober 2014**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan kormesial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah.

**BONGAI SEBAGAI MANIFESTASI BAHASA DAN BUDAYA BERDASARKAN  
PENDEKATAN SEMIOTIK**

Oleh

**FAIZIAH HAJI SHAMSUDIN**

**Oktober 2014**

**Pengerusi : Abdul Rashid bin Daing Melebek PhD.**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tesis ini membincangkan satu daripada bentuk kesenian masyarakat Melayu Negeri Sembilan iaitu Bongai. Aspek yang diteliti adalah dari segi makna tersirat dan gambaran isi serta falsafah pemikiran orang Melayu yang terkandung dalam pantun Bongai. Teori pendekatan semiotik yang melihat kepada penggunaan lambang-lambang tertentu dalam sesebuah karya atau hasil tulisan digunakan untuk menganalisis pantun-pantun Bongai. Lambang-lambang tersebut membawa maksud tertentu dan bukan seperti maksud yang tersurat. Pantun yang telah dikutip daripada pelbagai sumber telah dianalisis dan dibahagikan kepada beberapa jenis atau kategori temanya iaitu berkisar pada percintaan dan kasih sayang, hormat-menghormati, usik-mengusik, agama Islam dan juga sindiran. Maksud atau makna pada lambang-lambang berkenaan sama ada diketahui atau mungkin asing bagi pembaca dianalisis bagi menghuraikan makna yang tersirat sebaliknya. Semiotik yang mengkaji sistem tanda dalam bahasa juga berupaya mengkaji wacana yang mencerminkan budaya dan pemikiran masyarakat yang mendukungnya.

Kajian ini melibatkan kaedah kepustakaan, temubual dengan informan dan pemerhatian di lapangan. Sebanyak 100 rangkap pantun Bongai dikumpul dan dianalisis bagi memperoleh makna tersirat. Temubual bersama-sama informan juga dijalankan di Kampong Lonek, Batu Kikir Jempol, N. Sembilan. Dalam masa yang sama pemerhatian dijalankan semasa menyaksikan persembahan

Bongai di Kampong Lonek. Maklumat yang diperoleh direkod menggunakan perakam audio dan video untuk dianalisis sebagai bahan kajian.

Tesis ini disempurnakan dengan menggunakan teori pendekatan semiotik. Teori semiotik merupakan pendekatan yang melihat kepada penggunaan lambang-lambang tertentu dalam sesebuah karya atau hasil tulisan. Lambang-lambang tersebut membawa maksud tertentu dan bukan seperti yang tersurat. Maksud atau makna pada lambang-lambang berkenaan sama ada diketahui atau mungkin asing bagi pembaca, dan di sinilah peranan pengkaji atau penganalisis karya menjadi penting. Model pendekatan ini diasaskan oleh de Saussure (1959). Menurut de Saussure, lambang linguistik terdiri daripada dua bahagian, iaitu penanda (*signifiant*) dan petanda (*signifie*). Data-data yang diperoleh dalam kajian ini diklasifikasikan mengikut tema yang tertentu. Bagi tujuan pendokumentasian, data-data ditulis semula mengikut penggunaan bahasa Melayu standard dan seterusnya diberikan tafsiran makna. Data-data kajian dianalisis berpandukan pendekatan semiotik.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Bongai merupakan lagu rakyat bagi masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Bongai sangat popular satu ketika dahulu. Rata-ratanya lirik lagu Bongai yang dilagukan bukan sekadar sebagai untuk menghibur, tetapi lebih daripada itu adalah untuk mendidik dan memberi nasihat kepada masyarakat. Selain itu menurut Aripin Said (2006:101) lagu rakyat mempunyai saham yang cukup tinggi dalam memberikan sumbangannya terhadap pembangunan pemikiran bangsa di samping memberikan kelembutan jiwa kepada masyarakat. Terdapat lambang-lambang bahasa seperti simbol, ikon dan indeks yang digunakan dalam pantun Bongai yang memberi maksud yang tersirat daripada kata yang tersurat. Kesimpulannya pantun yang dilagukan dalam Bongai menjadi penyampai idea dan pemikiran masyarakat Melayu untuk menyatakan perasaan disamping menjadi cerminan kepada falsafah dalam kehidupan masyarakat yang mengamalkannya.

Abstract of thesis submitted to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**BONGAI AS LANGUAGE AND CULTURAL MANIFESTATION BASED  
ON SEMIOTIC APPROACH**

By

**FAIZIAH HAJI SHAMSUDIN**

**October 2014**

**Chairman: Abdul Rashid bin Daing Melebek PhD.**

**Faculty : Modern Language and Communication**

This thesis discussed one of the cultural arts practiced among Malay community in Negeri Sembilan. The aspect analyzed is in the hidden meaning in the poem, the content and also the thinking philosophy of the Malays. The semiotic theory used in this research, specific symbols in the work and they brought specific meanings. Poems were gathered from variety of sources, analyzed and divided into several types of sub categories such as love, respect, fun, religion and allusion. The meaning might or might not be known by the readers were analyzed to clarify the hidden meaning. Semiotic reviewed the symbol system and the discourse in the language that merges the culture and way of thinking of the community. This research involved the literature, informant interview and field observation. About 100 stanzas of Bongai poetry were gathered and analyzed to review the hidden meaning. Interview with the informant were carried out in Kampong Lonek, Batu Kikir Jempol, Negeri Sembilan. At the same time observation was carried out while witnessing the Bongai presentation information received were recorded using the audio and video recorder then to be analyzed as the research material. This thesis were enhanced by using the

semiotic approach theory. Semiotic theory is a method which looked into the usage of symbols in works on writings. The symbols bring several hidden meanings, not on the written text. The meanings might or might not be known by the readers. So this is where the role of the researcher becoming crucial. This model is designed by de Saussure (1959). According to de Saussure, the linguistic symbols are divided into sections significant and signify. The data viewed in the study were classified according to specific themes. For the documentation, data were written again according to the standard Malay language then meanings were given. The data were analyzed by using the semiotic approach. The finding shows that Bongai is a folk song for the Malay community in Negeri Sembilan. Bongai was once very popular. Most of the lyrics in Bongai were to educate the community and as an advise too. Despite that, according to Aripin Said (2006:101) folk song has a very high value in giving contribution to the thinking development of the nation and helps to soften one soul. There are symbols of language which used in the lyrics. As a conclusion the poem sung in Bongai became a medium to the idea and thinking of the Malay community and for them to express their feelings, despite emerging the philosophy too.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha  
Pemurah lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, bersyukur saya kepada Allah kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat juga saya menyelesaikan penulisan tesis ini.

Sejujurnya, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Abdul Rashid bin Daing Melebek selaku Pengerusi Penyeliaan, Profesor Madya Dr. Zatul Azma binti Zainon dan Profesor Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh sebagai Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Terima kasih atas kesudian membimbing, memberi saranan idea dan menyemak tesis pemandiri kanser payudara tahap empat ini sehingga dapat diselesaikan.

Rakaman terima kasih juga kepada Ketua Kampung Lonek, Batu Kikir Jempol, Negeri Sembilan Tuan Haji Ramli bin Abdul Hamid, para informan Puan Norasiah binti Harun, Puan Badariah binti Ahmad serta penduduk Kampung Lonek yang telah banyak memberi input semasa saya menjalankan kajian di lapangan.

Terima kasih kasih yang tak terucap kepada suami tercinta Amran bin Bakar, ibu dan ibu mertua, kakak dan adik-adik serta ketiga-tiga anak yang tersayang atas kesabaran, doa, dan sokongan melayani kerenah pemandiri kanser ini dalam meneruskan perjuangan untuk terus menikmati kehidupan. Kepada arwah ayah, untaian Al fatihah dititipkan sebagai tanda kasih dan sayang.

Para sahabat, doa dan sokongan kalian menjadi penguat kepada insan yang lemah ini meneruskan cita-cita. Terima kasih untuk segalanya.

Sesungguhnya, segala apa-apa yang berlaku adalah ketentuan Allah yang Maha Mengetahui.

Wassalam.

FAIZIAH HAJI SHAMSUDIN

Negeri Sembilan Darul Khusus



Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

**Abdul Rashid Bin Daing Melebek Ph.D**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zatul Azma Binti Zainon Ph.D**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Che Ibrahim Bin Salleh Ph.D**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tandatangan \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_ Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

## SENARAI KANDUNGAN

### Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>vi</b>
<b>PARAKUAN PELAJAR</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiv</b>

### BAB

#### **I PENDAHULUAN**

Pengenalan	1
Apa Itu Bongai?	1
Sejarah Asal Usul Bongai	2
Penyataan Masalah	10
Objektif Kajian	15
Bidang Kajian	15
Kepentingan Kajian	16
Skop dan Batasan Kajian	18
Definisi Operasional	19
Bahasa	19
Budaya dan Kebudayaan	20
Pemikiran	22
Manifestasi	23

#### **II SOROTAN LITERATUR**

Pengenalan	24
Latar Belakang Kajian	25
Tinjauan Pustaka	30
Semiotik Linguistik	31
Gaya Bahasa dan Hubungan antara Unsur	
Keseluruhan	36
Landasan Teori	37
Kajian tentang Pantun	47

Kajian tentang Lagu Rakyat	50
Kajian di luar Malaysia	55
Kesimpulan	56
<b>III METODOLOGI KAJIAN</b>	
Pengenalan	57
Rekabentuk Kajian	57
Pendekatan Kajian	58
Semiotik	59
Teori yang digunakan dalam Kajian	60
Konsep Teori	62
Rangka Konsep	65
Kaedah Kajian	65
Profil Informan	67
Alat Kajian	69
Penganalisan Data	70
<b>IV DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
Pendahuluan	71
Persembahan Data	75
Mengenal pasti Pantun Bongai	76
Tanda Simbol dalam Lagu Umpan Bocek dan Lagu Comporai	90
Tanda Indeks dalam lagu Din-Din	96
Tanda Ikon dalam Lagu Hitam Manis	99
Kesimpulan	102
Gambaran dan Pemikiran Masyarakat Melayu dalam Pantun Bongai	103
Gambaran Masyarakat dalam Bongai	105
Aspek Ekonomi	108
Aspek Sosial	108
Aspek Pemikiran dalam Lagu Bongai	109
Pemikiran tentang Ketuhanan	109
Pemikiran tentang Alam Semulajadi	111
Pemikiran tentang Adab Manusia	113
Pemikiran tentang Kasih Sayang dan Percintaan	116
Kesimpulan	122

<b>V</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
	Pengenalan	123
	Rumusan	123
	Cadangan	127
	<b>RUJUKAN</b>	128
	<b>LAMPIRAN</b>	
	Negeri Sembilan Sepintas Lalu	140
	Pantun Bongai	153
	Kosa Kata Dialek Negeri Sembilan	162
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	172
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	173



## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Hubungan tanda, penanda dan petanda	34
2	Figura 1 Bahasa dan Konteks Sosial	36
3	Hubungan Tanda dan Cirinya	42



## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Penemuan Utama Malaysia 2010	141
2	Penemuan Utama Negeri Sembilan 2010	141
3	Penduduk Negeri Sembilan Berbanding Malaysia	142
4	Kepadatan Pendudukan Negeri Sembilan dan Malaysia	143
5	Jumlah Penduduk Malaysia Mengikut Jantina	143
6	Nisbah Jantina Penduduk Malaysia dan Negeri Sembilan	144
7	Bilangan Penduduk Mengikut Daerah	145



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Seni pengucapan yang pelbagai terkandung di dalamnya amanat dan mesej yang ingin disampaikan oleh penuturnya. Idea yang tercetus disampaikan secara tersurat atau tersirat mengandungi tanda yang penuh simbolik. Oleh itu, perlu ada satu pendekatan atau disiplin untuk merungkai pencarian makna bagi mesej yang disampaikan, terutamanya yang melibatkan lambang-lambang yang sukar difahami. Pendekatan yang dikenal pasti dalam menangani permasalahan ini ialah disiplin semiotik yang merupakan ilmu bantu kepada cabang linguistik.

Bukti sejarah telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu zaman lampau sangat kaya dalam aspek pengucapan lisan. Pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang ada dalam diri mereka akan diterjemahkan dalam ungkapan pantun yang indah didengar. Malah ungkapan tersebut begitu kaya dengan nilai estetikanya. Pantun merupakan representasi manusia Melayu: berhubung pemikiran, emosi dan sentimennya yang diserlahkan melalui satu kuplet, serangkap mahupun keseluruhan pantun berkenaan misalnya dalam sebuah himpunan atau antologi. Francois – Rene Dalilie (1988:6) pantun merupakan '*a universe in wisdom*'.

Dalam kebudayaan Melayu masyarakat di Negeri Sembilan, upacara Bongai merupakan tradisi yang sangat digemari pada zaman itu. Aspek yang menonjol dalam upacara Bongai ini ialah penggunaan pantun secara lisan yang disampaikan dalam bentuk lagu yang berbeza-beza. Dalam teks Bongai, ciri-ciri pantun yang dikemukakan Harun Mat Piah (1989:91,123,123) juga berlaku. Namun disebabkan pantun itu disajikan secara muzikal, maka terdapat beberapa ciri tambahan dalam pantun Bongai iaitu pantun biasanya dinyanyikan berulang-ulang mengikut ulangan melodi, pantun dalam Bongai dapat dipadatkan sesuai dengan rentak melodi yang dimainkan, pantun dalam Bongai juga boleh disisip oleh kata perantara seperti ala sayang, sayang, hai, ala hai, abang, bang dan lain-lainnya sama ada di awal, di tengah atau akhir baris. Selain itu, dalam satu baris dalam satu rangkap pantun Bongai, pantun tidak semestinya terdiri atas empat kata atau sepuluh suku kata tetapi boleh ditambah.

#### Apa Itu Bongai?

Dalam pemahaman mudah, berbongai bererti berbalas pantun yang disampaikan dalam bentuk lagu oleh para pemantunnya. Bongai adalah sejenis lagu rakyat tradisional Negeri Sembilan yang dinyanyikan secara solo atau berduet atau beramai-



ramai. Namun konsep persembahan adalah hanya seorang boleh menyanyi atau mengacau ketika lawan atau pasangannya sedang menyanyi.

Persembahan secara solo boleh dinyanyikan oleh sama ada lelaki atau perempuan. Begitu juga jika dipersembahkan secara berduet, persembahan boleh menggunakan pasangan lelaki atau wanita atau lelaki kedua-duanya atau wanita kedua-duanya. Konsep asal akan dikekalkan apabila persembahan dibuat secara beramai-ramai. Hanya seorang boleh menyanyi dalam satu-satu masa yang kemudiannya disahut atau disambut oleh orang lain dalam kumpulan yang sama.

Usik mengusik, berkasih sayang, asam garam rumahtangga dan kehidupan sekampung merupakan tema yang popular dalam sesebuah persembahan Bongai. Hal ini bermakna bahawa para pembongai akan mencipta dan menyanyi berasaskan tema yang dimulakan oleh penyanyi yang pertama atau penjual pantun yang mula-mula.

Keadaan ini berlaku kerana setiap pantun yang dijual dan yang dibeli oleh pembongai harus mempunyai kaitan dan kesinambungan bagi sesuatu irama yang dipilih. Tema-tema yang berat seperti peperangan, kepahlawanan, kepimpinan dan sebagainya amat jarang menarik minat pembongai.

Berbagai-bagai pandangan telah diutarakan tentang Bongai. Ada pendapat yang mengatakan bahawa perkataan Bongai adalah perkataan yang tersendiri dan tidak ditiru daripada mana-mana perkataan pun. Ismail Hadi (1988:8) mengatakan bahawa nama Bongai dicipta daripada dua perkataan, iaitu perkataan 'bong' dan perkataan 'aye'. Perkataan 'bong' bermaksud seseorang yang dihormati, sementara perkataan 'aye' bererti saya.

Walau apapun asal usul perkataan "Bongai" tersebut, namun yang paling utama ialah, persembahan Bongai mempunyai keunikannya yang tersendiri dan telah diterima sebagai identiti lagu rakyat di Negeri Sembilan serta telah mula diterima oleh kebanyakan masyarakat di negara ini.

## **Sejarah dan Asal Usul Bongai**

Bagi para penggiat Bongai, mereka mempercayai bahawa Bongai adalah satu-satunya lagu rakyat yang asli kepunyaan masyarakat Negeri Sembilan. Puan Norasiah Harun, ( temu bual bersama-sama informan Mac 2009) yang merupakan penyanyi Bongai yang aktif menyokong kenyaatan ini.

Namun bagi kebanyakan pengkaji, Bongai dikatakan berasal dari Sumatera Barat, Indonesia. Bongai dibawa masuk oleh orang Minangkabau semasa mereka berhijrah ke Negeri Sembilan suatu ketika dahulu. Keadaan ini adalah kerana wujudnya persamaan antara lagu kesenian rakyat Minangkabau yang diberi nama 'Berbilang Panjang' dengan lagu-lagu Bongai. Persamaan ini meliputi isi dan cara persembahannya.

Bongai berbeza dengan nyanyian rakyat yang lain kerana bagi kebanyakan kesenian lain persembahannya sudah pasti memerlukan tempat yang sesuai agar kelihatan lebih menarik. Namun bagi Bongai, tidak ada tempat khusus untuk persembahannya. Bongai boleh dipersembahkan di dalam rumah atau tempat-tempat yang terbuka dan boleh didengari serta ditonton.

Serambi atau bahagian hadapan rumah adalah tempat yang sering digunakan untuk persembahan Bongai. Sesuatu tempat persembahan Bongai tidak perlu dihias sebegitu rupa, memadai dengan hamparan sehelai tikar mengkuang. Para pembongai biasanya akan hanya duduk bersila sambil menyanyi atau bermain alat muzik yang diperlukan.

Terdapat berbagai-bagai alat muzik dalam sesuatu persembahan Bongai mengikut kesesuaian persembahan dan penyanyinya. Namun alat muzik yang biasa digunakan dalam sesuatu persembahan ialah violin, rebana, gong, gendang, salung dan tumbuk kalang. Alat-alat muzik lain boleh juga digunakan sebagai tambahan kepada alat muzik sedia ada seperti caklempong, bangsi akordian dan lain-lain lagi.

Dalam sesuatu persembahan Bongai, terdapat berbagai irama yang didendangkan oleh penyanyinya. Antara irama yang sering dinyanyikan ialah seperti irama Anak Bocek, irama Petaseh, irama Budu Landai, irama Cantik Manih dan irama Comporai.

Seni kata bagi lagu Bongai mempunyai keindahan dan keunikannya yang tersendiri yang amat jelas membezakannya dengan lagu-lagu lain. Bongai biasanya dinyanyikan dengan menggunakan pantun-pantun tradisi yang dicipta oleh penyanyi Bongai sendiri dengan tujuan yang tertentu, seperti sindiran, usikan, gurauan, kasih sayang dan lain-lain.

Namun tujuan dan maksud pantun amat jarang sekali berniat hasad dengki atau memburuk-burukkan sahabat sesama mereka. Malah, pada pantun yang akhir sekali biasanya pembongai akan memohon kemaafan sekiranya tersalah dan terkasar bahasa semasa berbongai tadi.

Sesuatu yang amat menarik ialah, pantun dalam Bongai biasanya dicipta secara spontan iaitu semasa pembongai sedang menyanyi. Oleh itu tidak hairanlah jika dikatakan bahawa seseorang pembongai adalah juga seorang yang berbudi bahasa dan sasterawan. Seorang pembongai yang baik memiliki ciri-ciri penyabar, kerana pihak lawan mungkin menggunakan perkataan yang kurang disenangi semasa berpantun.

Pembongai juga bersuara merdu dan lunak untuk mengindahkan lagi lagu Bongai yang dinyanyikan. Mereka juga mempunyai nafas yang panjang untuk disesuaikan dengan irama Bongai. Pembongai mempunyai kebolehan untuk menggunakan perkataan-perkataan yang tepat dan indah tetapi mempunyai maksud yang bukan sahaja selapis bahkan dua lapis, tiga lapis dan seterusnya.

Pembongai yang baik juga seorang yang berani dan bersemangat terutamanya semasa menyanyikan lagu-lagu Bongai kerana penonton atau pendengar akan mencemooh atau mengejek jika pantun kurang tepat atau tidak wajar.

Tidak dapat dinafikan bahawa pantun-pantun yang dicipta oleh pembongai boleh dikategorikan sebagai Puisi Melayu Lama dalam bentuk syair, gurindam, seloka, pantun dan lain-lain lagi. Penciptaannya begitu indah dan halus dengan menggunakan perkataan-perkataan tertentu dalam bentuk pantun dua kerat, empat kerat atau enam kerat. Pantun-pantun ini boleh disesuaikan mengikut rentak dan irama lagu yang ingin dinyanyikan serta tema yang sedang diperkatakan. Antara pantun yang sering diperdengarkan atau dinyanyikan dalam acara-acara berbongai adalah seperti yang berikut:

*Ikan sepat mudik ke hulu,  
Anak haruan putih dadanya;  
Siapalah cepat dapat dahulu,  
Siapalah kemudian putihlah matanya*

*Umbut-umbut dalam paya,  
Kalau hilir bawa lumut;  
Nak berebut saya tak terdaya,  
Kalau cicir saya boleh pungut.*

*Ke laut mencari gunja,  
Dapat gunja setengah kati;  
Kalau den hidup nak jadikan jua,  
Kalau mati luar janji.*

*Kain perai bajunya perai,  
Pakaikan anak kelasi tongkang;  
Nyawa di badan lagikan bercerai,  
Inikan pula kasih menumpang.*

(Ismail Abdul Hadi 1998:13)

Pantun Bongai ini didendangkan dalam bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan dan bahasa Minangkabau dalam upacara Bongai atau majlis tertentu.

Bongai dipersembahkan dengan tujuan tertentu, khasnya hiburan pada waktu malam iaitu setelah penat bekerja pada siang hari. Secara umumnya terdapat dua tujuan utama persembahan Bongai, iaitu sebagai pelepas penat setelah bekerja sepanjang hari. Dalam hal ini, penduduk kampung akan menyertai aktiviti Bongai sama ada sebagai peserta yang turut berpantun atau sebagai penonton.

Bongai juga dipersembahkan bagi tujuan menghiburkan dan meleakakan orang kampung yang sedang sibuk membuat persiapan dalam sesuatu majlis seperti majlis perkahwinan, majlis keramaian, majlis menyambut kedatangan pembesar dan lain-lain lagi.

Sesuatu persembahan Bongai biasanya boleh memberi kesan secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat pengamal dan khalayak pendengarnya atau penontonnya. Kesan secara langsung dapat dilihat apabila persiapan makan dan minum untuk sesuatu majlis perkahwinan boleh disiapkan menjelang, subuh iaitu dalam tempoh satu malam sahaja.

Para pembongai akan berasa seronok dan terhibur serta dapat melepaskan perasaan atau sesuatu yang terbuku di hati mereka kepada orang ramai. Selalunya selepas berbongai mereka akan berasa puas dan segala kepenatan tidak terasa langsung.

Kesan secara tidak langsung pula adalah seperti boleh mengeratkan lagi tali persaudaraan dan semangat bermasyarakat dalam kalangan penduduk sesebuah kampung. Keadaan ini berlaku kerana Bongai itu sendiri mempunyai unsur dan tujuan memupuk persaudaraan dan kemasyarakatan dalam kalangan penggiatnya. Malah, pada akhir sesuatu persembahan Bongai mereka akan saling bermaafan sama ada melalui kata-kata dalam pantun atau secara bersalaman.

Bongai juga boleh mencantumkan atau menyambungkan semula persahabatan yang telah renggang atau terputus. Malah yang amat menarik ialah terdapatnya pasangan suami isteri yang 'rujuk' semula perkahwinan yang telah runtuh hanya kerana pujuk

rayu yang penuh perasaan melalui Bongai. Dalam hal ini, biasanya pantun yang digunakan adalah dalam bentuk pujukan mendayu-dayu yang boleh menimbulkan keinsafan apabila dinyanyikan dalam irama Bongai yang tertentu.

Bongai dipercayai sebagai penemu jodoh antara pasangan lelaki dan perempuan. Semasa berbongai mereka akan usik-mengusik dan saling bertanya hal masing-masing melalui pantun yang dicipta. Akhirnya, usik-mengusik ini tidak tamat semasa berbongai sahaja, sebaliknya Bongai membuahakan bibit-bibit cinta dan sayang yang akhirnya membawa kepada perkahwinan. Orang yang pandai berbongai dianggap sebagai 'hero' dalam sesebuah kampung.

Dalam kajian ini dapat dikumpulkan rangkap pantun Bongai yang masih didendangkan di sekitar Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Jelas dan nyata diperhatikan pada pantun-pantun nyanyian Bongai adalah di bahagian hujungnya yang sering diselitkan atau ditambah dengan bunga-bunga bahasa seperti perkataan bongai, amboi, dodoi dan donak-donai. Perkataan- ini ditambah untuk menambahkan keenakan dan mempersonakan penonton atau pendengar. Persembahan nyanyian Bongai mempunyai pantun khas untuk permulaan permainan sambil diiringi tiupan seruling atau bangsi atau serunai, salung ataupun gesekan biola. Pantun-pantun pengenalan itu ialah:

Belatuk berjambul merah,  
Terbang menyusung angin;  
Hormat pada tuan rumah,  
Kita datang tompang bermain.

Saya pinjamkan tangguk tali,  
Untuk menangguk bunga durian;  
Saya pinjamkan bujang menyanyi,  
Orang di sini kesunyian.

(Ismail Abdul Hadi:1998:11)

Pantun-pantun di atas adalah sebagai ucapan selamat bertemu atau berjumpa dengan masyarakat setempat dan disampaikan sendiri oleh ketua kumpulan. Selepas dapat isyarat daripada tuan rumah, mereka pun meneruskan permainan. Bermula dengan gesekan biola kerana biola ialah 'kepala' bagi segala alat muzik bongai ini. Selepas bermain 'selengkok dua', barulah penyanyi 'masuk' dengan pantun. Gaya pengucapan pantunnya adalah seperti lagu Dondang Sayang iaitu beberapa baris atau frasanya diulang-ulang, misalnya;

Hitamlah hitam si tampuk manggis  
Hitamlah hitam si tampuk manggis  
Sayang kemuning gugur bunganya  
Cantik manis gunung payung la la dilalinkan

Sungguh pun hitam di pandang manis  
Sungguh pun hitam di pandang manis  
Si putih kuning apa gunanya  
Cantik manis gunung payung la la dilalinkan.

(Ismail Abdul Hadi, 1998:23)

Rangkap ‘cantik manis gunung payung la la dilalinkan ‘ itu sebagai korus lagu, dinyanyikan beramai-ramai, termasuk pemain muzik.

Jenis pantun yang digunakan ialah pantun biasa sehari-hari iaitu pantun empat kerat, (sesekali ada juga pantun enam kerat) ciptaan penyanyi sendiri secara spontan dan pantun-pantunnya tidaklah harmoni seratus peratus, namun ciri keindahannya tetap ada. Tema pantun biasanya berunsur kasih sayang, usik mengusik atau sindir-menyindir. Dalam keadaan berbalas pantun lelaki perempuan, unsur usik mengusik lebih ketara dan menarik, kadang-kadang melucukan. Pantun-pantunnya banyak menggunakan imej-imej dan lambang tradisi yang menggambarkan suasana kemelayuan dan keaslian yang murni. Dalam keadaan tertentu, penyanyi berlawanan-lawan pantun sehingga ada pihak tidak dapat membalasnya dan mengaku kalah. Atau selepas bermain agak lama, pemain akan memberi isyarat penutup serangkap dua, biasanya mengandungi unsur mohon maaf atas kelemahan dan kekurangan pihaknya, contohnya “Kalau ada jarum yang patah...” atau:

Dua tiga pinggan jorong,  
Sebuah jua berisi nasi;

Dua tiga kata terdorong’  
Sama-samalah kita maafi.

Mengkuang menganyam ketupat,  
Rendam dahulu dalam sungai;

Lebih kurang jangan diumpat,  
Inilah adat bermain bongai.

(Ismail Abdul Hadi: 1998:3)

Permainan menjadi rancak jika pantun yang ducapkan mengusik perasaan penonton sehingga menimbulkan reaksi seperti bersorak atau bertepuk tangan. Kadang-kadang para peminat, khususnya orang tua-tua yang hidup di zaman budaya Bongai turut tampil untuk berpantun bagi memeriahkan dan merencanakan lagi persembahan Bongai itu.

Tuntasnya, mencipta pantun memang mudah, kerana berdasarkan pada maksud pantun tersebut, kemudian barulah dicarikan pembayangnya. Perkataan yang sama

bunyi di hujungnya digunakan seperti paku, daku, ciku, duku, kuku dan seumpamanya supaya keindahan bentuk pantun itu terjaga dengan susunan rangkainya yang betul. Ilham berpantun kadang-kadang mengikut suasana. setiap lagu yang dinyanyikan ada makna yang tersendiri mengikut keadaan dan tujuan dinyanyikan. ( temu bual bersama-sama informan Puan Norasiah binti Harun, Mac 2009).

Begitu kayanya masyarakat Melayu dengan warisan bangsanya yang terkandung seribu satu macam pemikiran, falsafah dan tidak ketinggalan aspek budaya yang jelas dipertonton dengan susunan kata yang berlapis sifatnya. Sememangnya masyarakat Melayu terkenal dengan sikapnya yang bersopan santun, berhemah tinggi dan bijaksana dalam mengatur kehidupan dalam kosmosnya yang tersendiri.

Kebudayaan dapat ditakrifkan sebagai keseluruhan cara hidup sesuatu bangsa atau etnik di suatu tempat dan pada suatu waktu. Aspek penting yang melatarinya ialah kesenian. Kesenian merupakan bentuk-bentuk hasil usaha manusia yang menyenangkan atau *pleasure*. (Harun Mat Piah, 2004:5), cabang-cabang kesenian termasuklah deklamasi, drama, nyanyian, muzik, tarian, lukisan, arca, hiasan, pakaian, masakan, kecantikan dan binaan.

Begitulah indahnya gambaran kehidupan masyarakat yang mempunyai kebudayaannya yang tersendiri. Aspek kesenian khususnya lagu atau nyanyian terbukti menjadi sebagai satu elemen budaya yang dapat membina perwatakan diri bangsa yang mempunyai jati diri yang tersendiri. Namun sejauh manakah keupayaan kesenian berlagu ini dalam menghadapi gejolak peredaran masa kini yang memasuki era globalisasi, khususnya terhadap upacara berbongai.

Satu hal yang tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun ialah adanya kaitan di antara bahasa dengan masyarakat dan budaya. Hal ini bersebab pada fungsi bahasa sebagai asas tamadun manusia dan wacana pemikiran dan budaya kumpulan manusia berkenaan. Dengan bahasa, manusia boleh mewujudkan konsep-konsep yang sudah tergambar dalam akal fikiran dan menyampaikan konsep-konsep itu kepada orang dalam komunikasi di antara individu. Organisasi masyarakat juga tergambar dalam bahasa kerana penggunaan bahasa dalam masyarakat mempunyai peraturan-peraturan sosial tertentu disamping peraturan nahu, selaras dengan sistem organisasi masyarakat yang berkenaan (Asmah, 1983: 15).

Kedatangan orang Minangkabau banyak membantu kepada perubahan sosial dan budaya masyarakat di Negeri Sembilan. Orang Minangkabau mempunyai kelebihan bercakap dan berbahasa serta pandai menyesuaikan diri dengan keadaan persekitaran. Mereka dianggap cerdik dan bertamadun oleh masyarakat tempatan. Tambahan pula kehadiran mereka tidak mengganggu orang tempatan. Yang penting bagi mereka adalah untuk mencari rezeki dan tinggal dengan aman, jauh di

pedalaman kerana tidak mahu diganggu oleh perompak dan lanun laut yang sememangnya menjadikan pantai Negeri Sembilan sebagai kubu perlindungan untuk mereka bergerak cergas.

Mohd Sharif Fakeh Hassan, menyatakan bahawa hidup secara berbaluk antara orang Minangkabau yang datang dengan orang tempatan yang menunggu telah menimbulkan persefahaman yang mendalam. (Mohd. Rosli Saluddin (2011:14). Orang Minangkabau tidak dianggap asing oleh masyarakat tempatan, justeru masyarakat tempatan menerima pakai sebahagian budaya yang dibawa oleh orang Minangkabau. Akibatnya sistem Adat Papatih dan beberapa bentuk kesenian dan kebudayaan orang Minangkabau menyerap dan dipergunakan oleh sebahagian besar masyarakat Negeri Sembilan, terutamanya di kawasan pedalaman seperti Lenggeng, Kuala Pilah, Jelevu, Rembau, Pantai dan Johol. Pemakaian sistem adat papatih turut mengukuhkan kedudukan budaya seperti permainan muzik dan nyanyian dalam kalangan masyarakat tempatan.

Ismail Abdul Hadi, (1998:6) menyatakan bahawa muzik mempunyai daya tarikan kepada semua masyarakat dunia termasuklah orang Melayu. Ahli falsafah seni berpendapat bahawa setiap manusia mempunyai minat terhadap muzik, seni muzik itu berasal dari tabii yang wujud pada manusia yang mendasari perasaan bawah sedar dan naluri. Keadaan ini dapat dilihat daripada reaksi terhadap bunyi-bunyian yang sudah menjadi kegemaran manusia sejak masih bayi seperti suka mendengar bunyi-bunyian atau nyanyian yang dilagukan ibu untuk menidurkannya.

Jenis dan bentuk muzik yang dicipta adalah berdasarkan sifat kebudayaan sesuatu masyarakat kerana muzik adalah sebahagian yang mustahak bagi kesempurnaan budaya. Lantaran itu masyarakat Melayu Negeri Sembilan sejak zaman lampau telah mencipta ‘muzik’ mereka. Malah dengan bentuknya yang tradisional di Negeri Sembilan dan menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian mereka. Adalah jelas muzik tradisional menggambarkan corak budaya masyarakat Melayu Negeri Sembilan dan kreativitinya di zaman silam.

Sebagai salah sebuah negeri yang kaya budaya serta berbudaya, Negeri Sembilan memang terus mampu mengetengahkan sebahagian daripada kebudayaan dan kesenian lampau sehingga ke mercu kecemerlangan, terutama dalam bidang muzik tradisional. Banyak jenis muzik tradisional yang berjaya dimainkan dan dihidupkan semula sebagai satu kesinambungan generasi. Muzik seperti Talempong, Tumbuk Kalang, Dikir Rebana dan beberapa lagi kekal menjadi identiti masyarakat di samping tarian dan nyanyian yang terus hidup berkembang.

Dalam kajian ini pengkaji memilih Nyanyian Bongai sebagai salah satu kesenian yang masih popular di Negeri Sembilan seperti yang telah dijelaskan ‘pokoknya tumbuh di Minangkabau buahnya jatuh ke Negeri Sembilan’ bagi mengkaji makna



tersirat yang terkandung dalam pantun-pantun yang dinyanyikan dalam upacara Bongai memandangkan masyarakat kini telah mula melupakannya malah ada yang langsung tidak mengenali apa itu Bongai.

### **Pernyataan Masalah**

#### **Pernyataan Masalah 1 :**

- i. Memperoleh dan mengumpulkan koleksi 100 rangkap pantun Bongai.

Sehingga hari ini belum ada pendokumentasian tentang pantun-pantun Bongai yang dilaksanakan oleh mana-mana pihak. Sama ada secara lisan ataupun tulisan, koleksi pantun ini semakin dilupakan dan hilang daripada amalan masyarakat moden. Hal ini kerana, budaya masyarakat kini lebih banyak dipengaruhi kecanggihan teknologi dan unsur-unsur Barat. Justeru, usaha mengumpul 100 rangkap pantun ini adalah satu usaha yang sangat baik sebagai satu langkah mengiktiraf dan memperkenalkan semula budaya tradisi kepada masyarakat masa ini.

- ii. Lompang kepada penyelidik

Walaupun ada kajian yang telah dijalankan namun Bongai hanya dikaji dari aspek signifikannya sebagai satu daripada warisan budaya yang penting dalam masyarakat Melayu khususnya di Negeri Sembilan. Kajian dari aspek makna dan bahasanya belum dilakukan.

#### **Persoalan Kajian 1 :**

Bagaimanakah cara untuk mendapat dan mengumpulkan seratus rangkap pantun Bongai untuk didokumentasikan sebagai bahan kajian.

#### **Objektif Kajian 1:**

Mengenal pasti dan mendokumenkan seratus rangkap pantun yang telah digunakan dalam upacara Bongai dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

#### **Kepentingan Kajian 1 :**

Dapatan kajian ini penting kerana, dengan mengumpul sebanyak seratus rangkap pantun yang dilagukan dalam Bongai akan memberi peluang kepada khalayak untuk membaca dan memahami pantun-pantun tersebut dengan lebih mudah. Pendokumentasian ini juga akan membantu genre sastera ini terus dingat dan

diamalkan oleh masyarakat masa ini. Lebih-lebih lagi diharapkan pendokumentasian ini akan memberi kesedaran dan membuka minda masyarakat bahawa masyarakat dahulu sangat kreatif dan sentiasa berfikir secara positif dan menyampaikan pemikiran mereka secara tersirat dalam hasil sastera seperti pantun Bongai.

### **Pernyataan Masalah 2 :**

Kesukaran memahami makna tersirat daripada puisi tradisional termasuklah pantun.

### **Persoalan Kajian 2 :**

Sejauhmanakah kesukaran mentafsir makna tersirat yang terdapat dalam pantun-pantun Bongai.

Kebanyakan khalayak berpendapat bahawa puisi sementelahan lagi puisi tradisional termasuk pantun sukar difahami atas sebab-sebab tertentu. Apakah sebab itu? Sejauh manakah kebenaran kenyataan ini? Pembaca juga beranggapan bahawa diksi dan siratan makna katanya amat menyulitkan. Sejauh manakah tahap kesukaran bahasa pantun tersebut?

Hasil kesusasteraan seperti pantun adalah cerminan budaya masyarakat yang melahirkannya. Kebudayaan merujuk langsung kepada *the way of life* atau cara hidup dan pemikiran masyarakat. Penelitian terhadap pantun membolehkan kita menyelami pemikiran dan falsafah hidup sesebuah masyarakat. Apakah hal yang selalu masyarakat fikirkan? Bagaimana persepsi masyarakat menyelesaikan masalah yang mengganggu hidup mereka?

### **Objektif Kajian 2:**

Menganalisis makna tersirat pada maksud pantun Bongai yang berlainan tema menggunakan pendekatan semiotik.

### **Kepentingan Kajian 2:**

Kajian ini ingin membicarakan genre puisi tradisional iaitu pantun yang menjadi lirik dalam lagu Bongai sebagai hasil sastera Melayu. Pengkaji ingin menyurat maksud yang tersirat di sebalik bait pantun yang didendangkan dengan mengenal pasti simbol-simbol yang digunakan dalam pantun tersebut. Tafsiran akan dibuat

berdasarkan pendekatan semiotik dengan mentafsirkan tanda-tanda yang terdapat dalam pantun tersebut.

Dalam karya sastra, simbol merupakan satu daripada unsur bahasa yang penting. Makna simbol itu tersembunyi di sebalik kata atau ungkapan yang tersurat. Simbol yang digunakan dalam karya sastra memberikan makna tertentu berdasarkan konteks penggunaannya oleh pengarang. Makna simbol pula dapat ditafsir berdasarkan kehendak karya atau pengarang itu sendiri.

### **Pernyataan Masalah 3:**

Menilai dan memahami pemikiran masyarakat melalui bahan sastra.

### **Persoalan Kajian 3**

Penmanfaatan unsur di alam Melayu itu dapat dikonsepsikan sedemikian rupa demi menyelami pemikiran orang Melayu zaman dahulu. Sebagai puisi lisan, pantun dilihat begitu komunikatif di dalam masyarakatnya dan mengapa terjadi demikian?

Pantun merupakan genre puisi lisan yang masih kekal hingga hari ini dan tidak banyak berlaku perubahan dan diamalkan oleh penglipur lara misalnya walaupun orang yang berlainan tetapi bentuk pantunnya serupa dari satu generasi ke satu generasi. Hal ini merupakan sesuatu yang unik. Idea pengarang dan kepengarangan dalam pantun Melayu khususnya pantun Bongai dengan amalan harian masyarakat Melayu sehingga kini juga dapat ditemui melalui tafsiran dan pemahaman maksud pantun-pantun tersebut.

Dalam rentetan pemikiran asas bangsa Melayu atau Nusantara peribahasa dan pantun menjadi wadah terpenting. Dengan logik kebijaksanaan yang kolektif, bait pantun melukis jiwa bangsa itu, memberi suara kepada persoalan yang dihadapinya, secara bersambungan, dalam hal praktikal dan perasaan, jasmaniah dan rohaniah yang akhirnya diterjemahkan ke dalam berbagai-bagai pendapat, nilai, undang-undang, kasih sayang serta berbagai-bagai jalur perasaan lain.

Corak hidup masyarakat dan bangsa Melayu pada zaman dahulu dicerminkan melalui puisi lama. Hal ini bermakna pantun merupakan puisi asli yang dimiliki oleh masyarakat Melayu serta paling awal muncul berbanding puisi lain (Harun Mat Piah, 1989:122).

### **Objektif Kajian 3:**

Menilai pemikiran masyarakat dalam maksud pantun Bongai yang dikumpulkan.

Pengkaji akan menjelaskan bagaimana penggunaan unsur alam semula jadi seperti buah-buahan, burung, gunung dan lautan digunakan sama ada dalam mengujarkan pembayang mahupun pada maksud. Falsafah yang tersirat di sebalik pantun tersebut dengan adanya penggunaan tanda sebagai simbol akan membuktikan bahawa masyarakat Melayu lama akrab dengan alam tumbuhan, alam haiwan dan alam cakerawala. Hal ini adalah kerana masyarakat pada masa itu sering berinteraksi dengan alam alam yang berada di sekeliling mereka seperti di laut, di hutan, di bendang, di ladang dan di gunung (Harun Mat Piah,1989:115).

Terdapat pelbagai mesej dan amanat yang ingin disampaikan dalam seni pengucapan. Cetusan idea sama ada disampaikan secara tersurat mahupun tersirat mengandungi tanda-tanda yang penuh simbolik. Justeru, perlu ada satu pendekatan untuk merungkai pencarian makna terutama yang melibatkan lambang-lambang yang sukar difahami yang terdapat dalam pantun Bongai. Pendekatan yang akan menangani permasalahan ini ialah disiplin semiotik yang merupakan ilmu bantu kepada cabang linguistik.

Bersesuaian dengan salah satu cabang ilmu yang mengkaji tanda dalam mencari dan seterusnya memahami medan makna, iaitu melihat tanda-tanda yang dijelmakan dalam bentuk lambang, ikon, dan juga indeks amat sesuai jika diterapkan dengan unsur yang dicerakinkan dengan gaya penulisan yang penuh simbolik seperti pantun. Justeru, untuk tujuan itu pengkaji memilih pantun Bongai sebagai bahan untuk dianalisis kerana pantun-pantun Bongai merupakan pengucapan puitis yang dinyatakan dalam bentuk tersurat namun mengandungi makna yang penuh tersirat.

Sesungguhnya puisi tradisional termasuk pantun agak asing dan misteri bagi kehidupan masyarakat hari ini. Oleh itu satu kajian lapangan untuk menyelami makna puisi berkenaan wajar dilaksanakan demi membongkar falsafah pemikiran masyarakat di dalamnya.

Berbongai masih hidup setakat ini kerana ada usaha ke arah mengekalkannya sebagai sebahagian daripada budaya Melayu Negeri Sembilan bagi tatapan generasi akan datang. Dalam Sukatan Pelajaran Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di Institut Pendidikan Guru, satu daripada kursus yang wajib dipelajari oleh para pelajar ialah Kebudayaan Melayu. Tajuk ini terkandung dalam Kursus Bahasa Melayu II yang ditawarkan dalam semester dua program PPISMP.

Justeru, di Negeri Sembilan, institusi telah memilih dan menetapkan supaya para pelajar mengkaji dan mendalami kebudayaan dan adat resam yang diamalkan oleh orang Melayu di Negeri Sembilan. Bagi pengkajian terhadap budaya, para pelajar perlu mengkaji dan memahami tentang Bongai. Bongai merupakan nyanyian rakyat yang disampaikan dalam bentuk pantun dan masih diamalkan di Negeri Sembilan.

Kajian ini bagaimanapun tidak bercadang untuk melihat Bongai sebagai sebahagian daripada budaya Melayu di Negeri Sembilan atau mengkajinya dari perpekstif budaya, tetapi lebih kepada menjelaskan makna yang terangkum dalam bahagian maksud setiap pantun yang diucapkan. Hal ini kerana, para pelajar di institut ini yang datang dari seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak mengalami kesukaran memahami makna pantun yang disampaikan dalam loghat Negeri Sembilan. Selain itu, pengkaji juga ingin mengupas pemikiran masyarakat Melayu yang disampaikan dalam pantun Bongai sebagai membuktikan masyarakat Melayu yang kreatif dan berbudi bahasa tinggi dalam menyampaikan hasrat hati.

Berkemungkinan rata-rata pantun dalam Bongai bertemakan cinta kerana Bongai menyediakan ruang untuk berhibur dan usik-mengusik serta berbalas pantun antara lelaki dan perempuan. Namun begitu, kepelbagaian kaedah atau gaya penyampaian Bongai jelas dapat dilihat dan dikesan dari satu rangkap pantun ke rangkap pantun yang lain.

Dunia tradisional Melayu sudah menampakkan kematangan pemikiran yang pelbagai dan kita sewajarnya berbangga dengan fenomena tersebut sebagai suatu pembuktian santifik setanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini. Begitu banyak teori sastera boleh digunakan untuk dijadikan kajian terhadap kesusasteraan Melayu supaya dunia sastera Melayu terus dimartabat di mata dunia.

Berlandaskan kenyataan tersebut, pengkaji berasakan bahawa cadangan penyelidikan dengan tajuk yang telah difikirkan ini dianggap sesuai serta menarik untuk dikaji. Hal ini kerana dalam sesebuah teks yang dihasilkan oleh seseorang tidak akan terlepas daripada didampingi teks-teks yang lain. Teks lain daripada unsur luaran menjadi sebahagian daripada isi karya yang sedang dihasilkannya. Teks-teks luaran akan memuatkan maksud tersurat dan tersirat dalam serangkap pantun.

Diharapkan dengan usaha dan kajian ini, tesis ini akan memberi penjelasan yang lebih mudah kepada para pelajar dan masyarakat tentang Bongai dalam budaya masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Diharapkan juga ada pihak lain yang berminat dan tampil untuk membuat kajian dari aspek keindahan atau estetika pantun dalam Bongai, penggunaan metafora, perulangan dan kata-kata kiasannya.

## Objektif Kajian

Penyelidikan ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

- i. Menenal pasti 100 rangkap pantun yang telah digunakan dalam upacara Bongai dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan.
- ii. Menganalisis makna tersirat pada maksud pantun Bongai yang berlainan tema menggunakan pendekatan semiotik.
- iii. Menilai pemikiran masyarakat dalam maksud pantun Bongai yang dikumpulkan.

## Bidang Kajian

Penyelidikan yang dijalankan berpusatkan dan menjurus kepada bidang semiotik bahasa Melayu. Semiotik merupakan satu daripada cabang disiplin ilmu linguistik yang menumpukan pengkajian terhadap selok-belok lambang dan pelambangan.

Tanda yang dimaksudkan mewakili sesuatu yang lain yang berupa pengalaman fikiran, perasaan, gagasan dan sebagainya. Justeru, tanda bukan bersifat bahasa semata-mata, bahkan meliputi pelbagai hal yang meliputi aspek kehidupan. Oleh hal yang demikian, teori semiotik bersifat multidisiplin dan dapat dibezakan dalam dua jenis, iaitu semiotik komunikasi dan semiotik signifikasi.

Penyelidikan yang bertajuk 'Bongai sebagai Manifestasi Bahasa dan Budaya Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan' ini akan menumpukan penelitian kepada kajian makna tersirat. Penggunaan lambang akan diteliti dari aspek hubungan antara pelambang dan unsur lambangan dengan merujuk pada bidang semantik atau kajian lapangan makna. Dengan kata lain, hubungan tersebut melibatkan antara petanda (*signified*) dan penanda (*signifier*) dalam mentafsir makna.

Melalui kajian terdahulu, kajian tentang genre pantun Melayu sebelum ini kebanyakannya bersifat terlalu umum, antaranya, kajian tentang sejarah pantun dan penyebarannya, jenis-jenis pantun, pengumpulan pantun dari pelbagai etnik Melayu, struktur pantun sama ada dari aspek tema, gaya bahasa, suku kata perkataan, baris, rima serta rangkap Melayu.

Selain mengumpul dan menganalisis pantun Bongai, pengkaji juga ingin menyorot pemikiran masyarakat Melayu dahulu. Melalui kajian ini juga akan dapat melihat sejauhmana pengarang pantun memanfaatkan pengalamannya itu ketika berkarya hingggakan pantun yang terhasil begitu mantap dan dapat disambut baik oleh

khalayak pembaca atau pendengar apatah lagi seniman Melayu zaman silam tidak mendapat pendidikan secara formal.

Justeru, penciptaan pantun Melayu itu adalah hasil pengetahuan seniman Melayu sama ada diperolehi daripada pembacaan, pengalaman atau pemerhatian telah berjaya mencetus idea dan ilham untuk berkarya. Hal ini bermaksud dalam teks puisi tradisional ini mengandungi teks luarannya yang membawa maksud yang tersurat dan tersirat. Kajian ini menyerlahkan falsafah pantun yang tinggi nilainya dan telah menjadi panduan di dalam kehidupan masyarakat Melayu. Sekaligus kajian ini akan dapat membuktikan, bahawa pantun Melayu itu dicipta melalui pengalaman, pengetahuan, pembacaan atau pemerhatian

### **Kepentingan Kajian**

Kajian terhadap lagu rakyat adalah penting untuk mengekalkan keindahan khazanah tradisi Melayu. Setiap penghasilan lagu rakyat biasanya memiliki fungsi yang tertentu dalam kumpulan masyarakat yang mengamalkannya. Oleh hal yang demikian, karya sastera yang bercorak sebegini seeloknya didokumentasikan agar dapat dimanfaatkan oleh masyarakat kini.

Pengkaji juga berharap, kajian ini akan dapat memberi sumbangan kepada penambahan bilangan koleksi lagu rakyat Melayu, khususnya lagu rakyat Negeri Sembilan yang sedia ada. Sumbangan seperti ini akan membantu kepada memartabatkan dokumen warisan agung Melayu yang disanjung suatu ketika dahulu. Disamping itu, ia juga dapat dijadikan pedoman dan rujukan khusus kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Negeri Sembilan dan pihak-pihak yang berkepentingan seperti Radio Televisyen Malaysia, Negeri Sembilan tentang dasar kepada lagu rakyat tersebut agar dapat mengetengahkan lagu rakyat Negeri Sembilan seiring dengan kepopularan lagu rakyat lain seperti Dondang Sayang dan Ghazal.

Kajian ini akan membantu pengkaji, para pelajar di Institut Pendidikan Guru, peminat puisi lama, serta pencinta budaya dan masyarakat untuk memahami dengan lebih jelas makna yang terkandung dalam sesebuah pantun yang digunakan dalam upacara Bongai.

Hasil kajian akan membantu para pelajar Institut Pendidikan Guru yang datang dari luar Negeri Sembilan untuk mempelajari, memahami dan menguasai kosa kata yang biasa dituturkan di Negeri Sembilan. Di samping memahami budaya dan falsafah hidup masyarakat mereka juga dapat mengenali Negeri Sembilan Darul Khusus dengan lebih dekat lagi.

Selain itu, kajian ini juga boleh dimanfaatkan bagi asas atau permulaan untuk kajian yang seumpamanya atau kajian dari aspek lainnya terhadap pantun-pantun Bongai.

Pengkaji budaya pula boleh memanfaatkan sebahagian kajian ini untuk kepentingan kajian mereka. Manakala persatuan budaya Melayu dan budayawan Melayu boleh memanfaatkan kajian ini sebagai sebahagian daripada rujukan mereka.

Pantun yang diakui ciptaan asli orang Melayu, memiliki bentuknya yang tersendiri. Ciri pantun antaranya dilihat pada kesederhanaan sebutan dan ringkas dalam ciptaan menggambarkan keperibadian orang Melayu yang baik hati, bersopan santun dan berbudi bahasa, mempunyai perwatakan yang utuh dan mudah dan bersedia menerima perubahan yang sesuai dengan pertumbuhan jiwanya. Sifat dan bentuk pantun yang terdiri daripada kuplet sampiran dan maksud dikatakan sebagai lambang alamiah dan kepribadian (S. Othman Kelantan, 1993:50).

Justeru, kajian ini akan cuba mengupas pemikiran masyarakat Melayu dari zaman dahulu di Negeri Sembilan. Pemikiran itu akan dikupas dalam pantun Bongai yang dikaji. Hasil pengupasan pemikiran tersebut akan membantu para pelajar dan masyarakat memahami dengan lebih jelas budaya dan amalan masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Selain itu, hasil kupasan itu juga akan membuktikan bahawa orang Melayu itu sangat kreatif dan bersopan santun.

## **Skop dan Batasan Kajian**

### **Skop Kajian**

Skop bidang tumpuan kajian ini adalah tentang makna tersirat yang terdapat dalam pantun Bongai yang dinyanyikan dalam lagu rakyat Negeri Sembilan. Makna disuratkan berdasarkan pendekatan semiotik yang melihat lambang-lambang yang digunakan dalam pantun-pantun tersebut. Lambang-lambang itu termasuklah tanda simbol, tanda ikon dan tanda indeks. Terdapat satu ratus rangkap pantun yang telah dipilih dan dikenal pasti untuk tujuan kajian ini. Pengkaji tidak akan mengulas atau menganalisis bahagian pembayang maksud untuk melihat kerelevanannya dengan pantun-pantun berkenaan. Pantun lain dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan selain pantun yang digunakan dalam upacara Bongai tidak akan dikaji atau disentuh dalam kajian ini.

Walau bagaimanapun, jika sesuatu perkara itu perlu disentuh untuk membantu huraian dan penjelasan, pengkaji akan memperkatakannya secara sepintas lalu sahaja. Oleh hal yang demikian, pembayang maksud bagi sesuatu pantun, atau



pantun-pantun lain selain dalam upacara Bongai misalnya akan turut dibicarakan dimana-mana bahagian apabila perlu.

### **Batasan Kajian**

Bahan dibataskan kepada seratus rangkap pantun lisan hasil rakaman audio-visual di lapangan terus dari mulut informan terlibat sewaktu acara Bongai sedang berlangsung. Juga pantun yang diucapkan semula secara bebas oleh pembongai iaitu pantun-pantun yang biasa dilagukan atau didengar mereka sewaktu persembahan Bongai.

Bahan juga dibataskan kepada pantun yang didapati daripada kumpulan Bongai Kampong Lonek, Batu Kikir Jempol, Negeri Sembilan.

Aspek pemikiran juga dibataskan hanya kepada penelitian terhadap gambaran pemikiran yang merangkumi tema, persoalan serta perasaan dalam pantun tersebut.

Bongai sebagai persembahan lagu rakyat Negeri Sembilan memperlihatkan kejituan seni kata lagu dalam bentuk pantun. Pantun tersebut memancarkan pemikiran tentang masyarakat serta hubungannya dengan alam semesta. Pancaran itu dapat diteliti dengan melihat apa-apa yang tersirat didalam maknanya. Bongai dalam masyarakat Melayu tradisional di Negeri Sembilan pernah membentuk hati budi masyarakatnya. Penjana kepada tamadun fikir ahli masyarakat serta budaya yang diwarisi hingga sekarang.

Dengan adanya sokongan maklumat penyelidikan yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini akan dapat memperkembang idea dan memperkemas hujah pengkaji serta dapat membantu pengkaji menghasilkan penyelidikan yang bermanfaat kepada khalayak khususnya dari sudut ilmiah.

Kajian ini cuba meneliti tanda atau kewujudan yang bukan sekadar dapat diinderakan, malah merangkumi kewujudan yang berada di luar alamiah. Sekaligus akan membuktikan bahawa kandungan maksud dalam pantun Melayu khasnya pantun Bongai mempunyai maksud tersurat dan tersirat yang dapat menonjolkan daya keintelektualan Melayu. Hal ini akan menyerlahkan falsafah pantun yang tinggi nilainya dan telah menjadi panduan di dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Kajian terhadap makna dan maksud pantun dalam upacara Bongai di Negeri Sembilan akan menjelaskan maksud tersirat atau maksud penutur atau pengucap pantun-pantun berkenaan dan bukan hanya maksud pada yang tersuratnya sahaja.

Pendekatan semiotik memerlukan penganalisis mencari penggunaan tanda-tanda dalam sesebuah karya. Tanda-tanda tersebut diungkap melalui penanda, mengikut paradoks dan kontradiksi penggunaan stail dan mekanisme penciptaan sesebuah karya yang dikuasai oleh pengarang. Maka, pengkaji menggunakan semiotik untuk memberikan makna bagi tanda-tanda dalam teks yang dikaji.

Semiotik melihat karya dalam perspektif yang lebih luas. Prinsip kedua daripada pendekatan semiotik menuntut penganalisis memperhatikan hubungan sistem sesebuah teks yang dikaji dengan sistem yang ada di luar teks tersebut; iaitu segala perkara yang membawa kepada lahirnya teks tersebut. Hal ini merangkumi sistem hidup dan kebudayaan masyarakat yang menjadi sumber inspirasi penghasilan teks yang dikaji.

Segala ungkapan atau tanda-tanda yang dicerakinkan dari dalam teks memainkan peranan yang penting bagi kewujudan satu bentuk sistem dalam pembinaan teks tersebut. Maka, prinsip ketiga dalam pendekatan semiotik memberi penghargaan terhadap pengarang dan kepengarangannya. Hal ini menjelaskan bahawa terdapat sebab bagi penggunaan setiap ungkapan yang dihasilkan dalam teks kerana segalanya mempunyai pengertiannya yang tersendiri.

### **Definisi Operasional**

#### **Bahasa**

Bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam satu kelompok manusa, antara seorang individu dengan individu yang lain.

Asmah Hj. Omar (1988:13) memberi pengertian tentang bahasa dalam erti kata yang luas. Menurut beliau, bahasa merupakan firasat atau petunjuk kepada sesuatu kebudayaan. Dalam konteks ini, bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya, iaitu cara hidup dan persekitaran fizikal serta sosial masyarakat tersebut.

## Budaya dan Kebudayaan

Menurut Kamus Dewan Edisi 4 (2005:180), budaya merujuk kepada tamadun, peradaban, kemajuan berfikir, akal budi, cara berfikir dan berkelakuan. Proses budaya dikenal pasti sebagai kebudayaan merupakan kata nama abstrak. Proses tersebut berkait dengan etos iaitu nilai sosial, sistem sosial, simbol, perilaku, pembahasan, pemikiran, pengetahuan, hal ehwal kepercayaan, adat resam, kebiasaan, kesenian, keupayaan, sikap dan warisan dalam lingkungan kehidupan manusia yang menciptanya. (Muhamad Anwar Omar Din, 2007:12).

Falsafah dan pemikiran mempunyai perkaitan yang rapat dan erat kerana pemikiran melahirkan falsafah. Pemikiran lahir dari hasil kegiatan berfikir. Dengan itu, tercetusnya falsafah adalah untuk menyelesaikan masalah yang difikirkan.

Tradisi dan Kesenambungan telah menjelaskan bahawa manusia diandaikan dapat berfikir dalam apa juga bahasa kerana bahasa tidak boleh mempengaruhi fikiran atau menyekat dan menghalang keupayaan fikiran manusia. Hipotesis *linguistic determinism* atau hipotesis 'ketentuan linguistik' anjuran Sapir-Whort yang mengandaikan bahawa fikiran manusia ditentukan atau dipengaruhi oleh bahasa asli manusia itu telah ditolak oleh ramai ahli bahasa dan psikolinguistik (Worawit Baru @ Ahmad Idris, 2004:1).

Manusia mempunyai kapasiti intelek yang membezakannya dengan haiwan. Sekiranya perilaku haiwan didorong oleh nafsu dan naluri, manusia pula mempunyai kapasiti intelek, iaitu pemikiran. Manusia bertindak melalui pemikiran dengan ransangan daripada persekitarannya. Proses pemikiran berlaku hanya melalui media bahasa dan dalam lingkungan bahasa. Hal ini kerana, konsep yang dicipta oleh pemikiran itu dapat pula dilahirkan dalam bentuk ayat atau bukan sahaja berdasarkan sekitaran dan pengalaman hidupnya tetapi juga berdasarkan bahasanya (Asmah Haji Omar, 1986:3).

Puteri Roslina Abdul Wahid (1994:329) mengatakan bahawa daya kognitif masyarakat Melayu berkembang dengan kreatif sekali dengan menghasilkan persepsi tersendiri dalam membentuk konsep tertentu yang kemudiannya dilambangkan oleh bahasa. Penghasilan tersebut memancarkan nilai dalam masyarakat Melayu iaitu masyarakat yang bersopan santun, berbudi bahasa, mempunyai budaya tersendiri dan cara hidup yang berperaturan.

Kesusasteraan atau seni bahasa adalah salah satu cabang kesenian. Sebelum kedatangan orang Hindu, bangsa Nusantara ternyata telah mempunyai kebudayaan yang tinggi. Mereka telah mengenali ilmu falak yang digunakan untuk pelayaran.

Jika tidak sudah tentu mereka tidak akan terpencar-pencar mendiami pulau yang berjauhan letaknya di seluruh kepulauan Austronesia.

Demikian juga dalam hubungan ini, masyarakat Melayu lama dalam lagu tradisional yang secara langsung akan menyentuh apakah bentuk kehidupan masyarakat yang dimaksudkan itu melalui susunan yang terdapat dalam lagu tersebut. Daripada kebudayaan, dapat ditafsirkan penjelmaan akal atau budi manusia yang mengamalkan budaya tersebut.

Masyarakat Melayu lama begitu kaya dengan falsafah dan pemikiran dalam membentuk keperibadian. Falsafah dan pemikiran mereka lahir melalui pelbagai bentuk luahan rasa seperti puisi, pantun, peribahasa, sajak, lukisan, nyanyian dan lakonan. Setiap individu mempunyai pendapat dan pandangan yang tersendiri tentang kehidupan sama ada berkaitan asal kejadian dan alam kematian, kesucian jiwa, kebaikan dan kejahatan, keindahan dan keburukan, kehinaan dan kemuliaan.

Hubungan masyarakat dengan alam sekitarnya dapat dilihat dalam ungkapan lagu tradisional. Dalam pantun Bongai ini juga dapat dilihat gambaran masyarakat zaman silam itu sendiri dengan segala kegiatannya, interaksi sesama masyarakat dan warna-warna kehidupan masyarakat pada masa itu.

Justeru, Bongai sebagai seni masyarakat Melayu tradisi yang dilagukan dalam rangkap pantun ini adalah merupakan pancaran yang menggambarkan masyarakat silam itu sendiri dengan segala kegiatannya. Pengkaji juga akan menghuraikan falsafah pemikiran Melayu yang terdapat dalam pantun Bongai dalam aspek ekonomi dan aspek sosial. Melalui huraian dan penegasan ini kita dapat mengenal tentang cara hidup, pandangan dan pemikiran masyarakat tersebut.

Secara kesimpulannya, budaya dan kebudayaan saling berkait. Budaya didefinisikan sebagai tamadun, peradaban dan kemajuan. Kebudayaan pula didefinisikan sebagai seluruh cara hidup sesuatu masyarakat, tamadun, peradaban dan budaya. Budaya dan kebudayaan ialah baharu bagi orang Melayu. Kedua-dua perkataan tersebut hanya muncul pada tahun 1920 di Indonesia. Perkataan kebudayaan digunakan di Malaysia pada tahun 1950-an dengan meminjamnya dari Indonesia. (Muhamad Anwar Omar Din, 2007:13)

## Pemikiran

Konsep pemikiran pernah dijelaskan oleh Zainal Kling (1993:400) sebagai kegiatan untuk membentuk sesuatu sistem tanggapan yang akan menjadi rangka berfikir yang wajar bagi semua anggota masyarakat. Berfikir merupakan satu usaha untuk meningkatkan pengetahuan seseorang. Oleh hal yang demikian hanya orang yang mampu berfikir boleh melakukan perubahan dan boleh menjana aktiviti yang bersifat kreatif dan membangun. Kemampuan dan keluasan berfikir akan menjadi seseorang itu sentiasa mendepani kehidupan.

Menurut S. Othman Kelantan (1997:269) pemikiran bermakna idea yang wujud daripada golongan intelektual yang menggunakan fakulti kritikal dalam mindanya untuk memikirkan sesuatu masalah dalam masyarakatnya. Pemikirannya itu disebarkan ke dalam lingkungan masyarakatnya atau ke luar daripada masyarakatnya.

Manakala Asmah Hj. Omar (1986:17) memberikan pendapat tentang pemikiran seperti yang terdapat dalam petikan di bawah.

Adapun definisi yang diberikan oleh ahli-ahli psikologi untuk pemikiran, untuk tujuan kajian, kita akan mentasirkannya sebagai kegiatan-kegiatan yang berlaku dalam otak kita apabila menghadapi sesuatu keadaan, perbuatan, dan sebagainya. Hasil daripada pemikiran itu adalah fikiran. (1986:17)

Kegiatan atau aktiviti masyarakat pada masa itu sudah semestinya menjadi ilham atau sumber inspirasi dalam mencipta pantun-pantun dalam lagu Bongai. Terdapat pelbagai jenis pantun yang mempunyai tema tertentu berkait rapat dengan perasaan cinta, kasih sayang, puji-pujian, nasihat, agama adat, telatah dan corak hidup masyarakat. Tema yang ingin diketengahkan, disisipkan dengan latar alam. Latar alam yang digunakan selalunya yang berkait dengan kehidupan seharian mereka. Ungkapan yang tercipta dalam pantun Bongai menunjukkan betapa bijaknya fikiran masyarakat pada masa itu.

Pengetahuan orang Melayu tentang alam begitu luas. Mereka dapat memahami perkara yang ada di bumi dan dilangit. Cakerawala termasuk matahari, bulan, bintang dan bumi serta unsur alam seperti tanah, air, api dan angin mempunyai hubungan rapat dengan diri seseorang.

Orang Melayu pada masa itu melihat segala unsur yang ada di sekelilingi mereka dengan tafsiran dan makna yang berbeza. Mereka memiliki pemikiran yang sangat kreatif dan sentiasa dapat membuat perkaitan dengan kehidupan mereka seharian.

Kesimpulannya, gambaran pemikiran sesuatu masyarakat dapat dianalisis dan diterokai melalui hasil-hasil seni yang dihasilkan termasuk juga pantun Bongai.

### **Manifestasi**

Manifestasi bermaksud perbuatan, ucapan dan lain-lain yang memperlihatkan sesuatu untuk menjadi nyata (Kamus Dewan :2005:857).

## BIBLIOGRAFI

- Ab. Razak Ab. Karim (1996). "Pantun Melayu Lama: Analisis Penggunaan Kata dan Ayat", dlm Jurnal Dewan Bahasa 40:4 hlm 306-320.
- Abdullah Hassan. "Semiotik dan Bahasa." Seminar Sehari Mengenai Semiotik. Universiti, Sains Malaysia. 13 Jun 1987.
- Abdul Rahman Hj. Muhammad. (1964). *Dasar-dasar Adat Papatih*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara
- Abd. Latif Abu Bakar, Mohd. Rosli Saludin. (2004). *Pantun dan Ungkapan Indah Adat Perkahwinan Melayu*. Melaka: Institut Seni Malaysia Melaka.
- Adnan Jaafar (1963). "Menyelam Isi Puisi Melayu Lama", dlm Dewan Bahasa, 9:12 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Haji Ahmad. "Ilmu Kesusasteraan Harus Kembali ke Akar Islam." Seminar Sehari Mengenai Semiotik. Universiti Sains Malaysia. Jun 1987.
- Aliyah Sijari. "Cak Lempong: Muzik Tradisional akan Berkubur?" *Jurnal Warisan Johor* 2.1988. 155-164.
- A. Halim R (peny). (1968). *Pantun Sebanika*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Idris et.al. (1994). *Adat Merentas Zaman*. Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. Shah Alam: Malindo Printers.
- Annas Ahmad (1975). *Sastera Melayu Lama dan Baru*. Pulau Pinang: Sinaran Bros Sdn.Bhd.
- Annas Ahmad (1982), *Sastera Melayu Lama dan Baru*, Petaling Jaya: Syarikat Cahaya.
- A. Rahim Abdullah. "Semiotik Masih Baru dalam Sastera Malaysia". *Dewan Sastera*. 1997:48-49
- Arbak Othman (2008). *Semiotik*. Selangor Darul Ehsan: Citra Kurnia Enterprise.
- Arbak Othman (2003). *Semiotik dalam Penelitian Puisi*. Selangor Darul Ehsan: Citra Kurnia Enterprise.
- Aripin Said. (1996). *Puisi Warisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aripin Said. (2004). *Nyanyian Rakyat, Khazanah Bangsa yang Hilang*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aripin Said. "Mesej dan Persoalan dalam Lagu Warisan Rakyat Melayu". *Dewan Sastera*. November 1999:111-116

- Asmah Haji Omar (1983). *Perkembangan Bahasa Malaysia dan Falsafah Pembinaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar (1983). *The Malay People and Their Language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Asmah Haji Omar (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1988). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1993) .*Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2002). *Setia dan Santun Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Teeuw (1992). *Membaca dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Teeuw (1995). *Sastera dan Ilmu Sastera: Pengantar Teori Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Austin, J.L. (1962). *How to do Things with Words?* London: Oxford University Press.
- Awang Sariyan. “Mencari Makna Diri Melayu: Cabaran Kepada Bangsa Melayu”. *Dewan Sastera*. Disember 2008: 18-22
- Aziz Deraman dan Wan Ramli Mohamad (1994). *Muzik dan Nyanyian Tradisi Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Aziz Deraman. “Kerah Menggalak dan Memperkembangkan Keilmuan dan Pemikiran Kebudayaan”. Seminar Kebudayaan Kebangsaan. Tinjauan dari Beberapa Aspek. Kuala Lumpur. 5-8 Jun 1999.
- Baha Zain. “Nyanyian dan Masyarakat”. *Dewan Budaya*. Oktober 2000:30-34
- Baharuddin Hj. Musa. “Ke Arah Pengujudan Kebudayaan Kebangsaan”. Seminar Kebudayaan Kebangsaan: Tinjauan dari Beberapa Aspek, Kuala Lumpur, 5-8 Jun 1999.
- Baillie Francois – Rene. (1990). *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Bambang S.M (1995). “ *Mengembang Bahasa Kanak-Kanak Melalui Pantun*”, dlm Pelita Bahasa, 7.7 hlm. 19-21
- Barthes, Roland (1970). *Elements of Semiotics*. New York: Hill and Wang.
- Barthes, Roland (1988). *The Semiotic Challenge*. New York: Hill and Wang.
- Berger, Arthur Asa (1998). *Media Analysis Techniques* Thousand Oaks. Calif: Sage Publications.
- Berger, Arthur Asa (2000). *Tanda-tanda dalam Kebudayaan Kontemporer*. Yogyakarta: Penerbit Tiara Wacana Yogya.
- Braginsky, V.I. (1988). *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal: Sejarah Sastra Melayu Dalam Abad 7 – 19*. INIS: Jakarta.
- Buyung Adil. (1982). *Sejarah Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chadwick, Charles pentj. Shamsiah Mohd. Said (1991). *Simbolisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chandler, Daniel (2007). *Semiotics: The Basic*. London: Routledge.
- Choamsky, Noam (1968). *Languange and Minds*. New York: Harcourt, Brace & World.
- Culler, Jonathan (1975). *Structuralist Poetic*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Culler, Jonathan (2001). *The Pursuit of Sign: Semiotics Literature, Deconstruction*. London: Routledge Classic.
- Danandjaja, James (1984). *Folkler Indonesia, Ilmu, Gosip, Dongeng dan Lain-lain*. Jakarta: Penerbit PT Grafiti Press.
- David Lidov (1999). *Element of Semiotics*. New York: St. Martivis Press.
- Daniel Chandler (2007). *Semiotics: The Basics*. London: Routledge.
- Dailie, J.T (1987) *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- de Bono, Edward. (1993). *Serious Creativity*. New York: Harper Business.
- de Bono, Edward. (1993). *Handbook for Posotive Revolution*. New York: Viking Penguin.
- Dharmawijaya. (1998). *Dunia Puisi Dalam Penelitian dan Pengajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Esten, Mursal. "Randai: Teater Rakyat dari Minangkabau." *Dewan Budaya*. Januari 1998.
- Eco, Umberto (1976). *A Theory of Semiotics*. United States of America: Indiana University Press.
- Eco, Umberto (1984). *Semiotics and the Philosophy of Language*, Bloomington: Indiana University Press.
- Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu Jilid 1* (1998). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Francois – Rene Dalilie. (1988). *Alam Pantun Melayu: Studies on the Malay Pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Geertz, Clifford. (2009). *Tafsiran Budaya*. Kuala Lumpur: Institut Penterjemahan Negara.
- Hamid Ismail. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Halimataul Mohd. Khalid. "Kebudayaan Milik Siapa". *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*. November 1985: 17-28.
- Hamilton, A.W (1959). *Malay Pantuns*. Singapura: Eastern University Press.
- Hartshorne Charles & Paul Weiss, 1965. *Collected Papers Charles Sanders Peirce (vol 1&11)*. Cambridge Masaachusetts: The Belknap Press of Harvard University Press.
- Harimurti Kridalaksana. (1983), *Kamus Linguistik*. Jakarta :Penerbit PT.
- Harun Mat Piah (1997) .*Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. "Magis dan Implikasinya dalam Lagu-lagu Tradisional Melayu". Seminar Lagu Rakyat Tradisional Nusantara, Kuala Lumpur. 6-8 September, 1999.
- Harun Mat Piah et.al., (2000). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. "Nilai Budaya Pantun Melayu". Seminar Za'ba mengenai Alam Melayu 1. 12-14 Ogos 2003.
- Harun Mat Piah. "Kreativiti dan Kebahasaan Puisi Melayu Tradisional". Seminar Bahasa dan Sastera. Kuala Lumpur. 6-12 Mac 2004.

- Hashim Awang A.R. "Muzik Tradisional Melayu". *Dewan Budaya*. November 1978.
- Hashim Awang (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, Sdn. Bhd.
- Hashim Musa (1994). *Falsafah Bahasa Melayu: Beberapa Aspek Kajian*. Petaling Jaya: DJ Gemilang.
- Hashim Musa (2008). *Hati Budi Melayu. Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hikayat Hang Tuah* diselenggarakan oleh Kassim Ahmad. K.Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holdcroft, D (1991). *Saussure: Sign, Systems, Arbitrariness*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Hoessein Djajadiningrat (1934). *Erti Pantun Melayu yang Gigih*. Petaling Jaya: Zaman Baru Limited.
- Ibrahim Bacek. "Lagu Melayu Asli Tetap Segar". *Dewan Budaya*. November 1978:21-24.
- Imam al-Ghazali (2006). *Ihya Ulumuddin Pengajaran bagi Orang-orang Mukmin*. Kuala Lumpur: Darul Fajar.
- Inon Shahrudin. 'Istiada Kerjan Dato' Mendika Akhir Zaman', *Dewan Budaya*, Jld.4, Bil 3, (Mac 1982). ms 11-12.
- Inon Shahrudin Abd. Rahman. "Kesenian sebagai Pemupuk Perpaduan Rakyat Negeri Sembilan". Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Putra Malaysia, 3-5 Mei 1984.
- Ismail Adnan. ' *Negeri Sembilan Sepintas Lalu* ', *Warisan* , Bil 4. (1978) ms 4-15.
- Ismail Abdul Hadi. (1998). *Bongai Nyanyian Tradisional Negeri*. Grup Penulis Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan.
- Jaffar Abdul Rahim. "Warisan Tradisi Lisan". *Dewan Sastera*. September 2005:51-53.
- Kamisah Mustaffa. "Dari Warisan Senitari Malaysia". *Jelita*. November 1984:100-101.
- Kamus Dewan Edisi IV. (2005) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khoo Kay Kim. "Sistem Politik Negeri Sembilan". Seminar Persejaraan dan Adat Perpatih, Seremban, 1972.

*Kurik Kundi Merah Saga*. (1990). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kris Budiman. (1999). *Kosa Kata Semiotika*. Yogyakarta: Gambiran UH.

Kristeva, Julia (1980). *Desire in Language: A Semiotic Approach to Literature and Art, England: Basil Blackwell, Publisher, Limited*.

Leech, Geoffrey.(1974). *Semantics*. Penguins Book.

Liaw Yock Fang (1975). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.

Mana Sikana. (1984). "Pendekatan Semiotik sebagai Kritikan Sastera" (bahagian pertama) dalam *Mastika*, Oktober: 136-142.

Mana Sikana. (1986). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Mana Sikana. ((2001). *Teori Semiotik: Tanda Bahasa dan Wacana Sastera*" dlm. *Jurnal Bahasa 1* (2): 193-212

Merrell, Flyod (1985). *A Semiotics Theory of Text*. Amsterdam: Mouton.

M.Khalid et.al "Pandangan Islam Terhadap Dua Andaian dalam Doktrin Semiotik." Seminar Sehari Mengenai Semiotik. Universiti Sains Malaysia. Jun 1987.

Mohamad Daud Mohammad. "Lagu Rakyat Pewujudan Nurani Rakyat". *Dewan Budaya*. November 1999:20-21.

Mohamad Daud Mohammad.(1999)."Puisi Zaen dari Kota London:Tilikan Aspek Tanda dan Penandaan" dlm. *Dewan Sastera* Mei 1993: 15-16.

Mohd. Fauzi Abdullah. "Etika Pemikiran Masyarakat Melayu Tradisional dalam Lagu Rakyat Pahang". Seminar Festival Puisi Tradisional Taman Budaya Negeri Kuantan, 17-19 Jun,2000.

Mohd. Ghouse Nasuruddin. (1989). *Muzik Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Ghouse Nasirudin, "Lagu Rakyat Tradisional dalam Konteks Teater Tradisional". Seminar Lagu Rakyat Tradisional Nusantara. Kuala Lumpur, 6-8 September, 1999.

Mohd. Isin Tanaf. "Desa dan Kota: Tradisinya Semakin Dilupakan". *Sarina*. Februari. 1984:78-81

- Mohd. Rosli Saludin (2009). *Hari-hari Mendatang Adat Perpatih* . Pulau Pinang: Golden Intelligent Sdn. Bhd.
- Mohd. Rosli Saludin (2011). *Seri Menanti Tanah Beradat Bermula di Sini* . Selangor Darul Ehsan: Crescent Nawa (KL) Sdn. Bhd.
- Mohd. Sharif Fakeh Hassan. “Sejarah Kedatangan Adat Papatih ke Negeri Sembilan dan Kaitannya dengan Minangkabau.” Seminar Prasejarah dan Adat Papatih. Seremban, 10-12 April, 1974.
- Mohd. Taib Osman. “Keseniaan, Adat Resam dan Tradisi’. *Dewan Budaya*. November 1994:63-66.
- Mohd. Taib Osman (1979). *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman (1988). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Thani Ahmad (peny.) (1990). *Kurik Kundi Merah Saga* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusof Md. Nor dan A Rahman Kaeh (peny.) (1985). *Puisi Melayu Tradisi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Zin Mohd Sahid. (1998). *Pengenalan Ringkas Bongai Lagu Tradisional Negeri Sembilan*. Seremban: Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negeri Sembilan.
- Morris, Charles. (1970). *Foundations of The Theory of Sign*. London: The University of Chicago Press.
- Muhamad Anwar Omar Din (2007). *Asas Kebudayaan dan Keseniaan Melayu*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh (1986). *Cermin Diri*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Muhammad Haji Salleh (1988). *yang Empunya Ceritera, Mind of the Malay Author*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (1994). “Unsur-unsur Teori dalam Kesusasteraan Melayu dan Nusantara” dlm. *Kesusasteraan Melayu: Mitos dan Realiti*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2000). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nettan, Ian Richard (1989). *Allah Transcendent: Studies in the Structure and Semiotics of Islamic Philosophy, Theology and Cosmology*. London: Routledge.

- Norazit Selat. "Indung Lagu Rakyat dari Hulu Tembeling Pahang". Seminar Lagu Rakyat Tradisional Nusantara. Kuala Lumpur, 6-8 September, 1999.
- Nor Halim Ibrahim. "Sistem Masyarakat di Negeri Sembilan". Seminar Kebangsaan Adat Papatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Putra Malaysia, 3-5 Mei 1984.
- Nor Halim Ibrahim (1996). *Perkahwinan dan Adat Negeri Sembilan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Noriah Taslim (1993). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati Abd. Rashid. "Ketersiratan sebagai Strategi Kesantunan Orang Melayu dalam Majlis Pertunangan". Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Kali ke-2. Beijing, 8-15 Oktober 2002.
- Noriza Daud (2004). "Semiotik daripada Perpektif Islam Konsep Lambang dalam Pantun Warisan Rakyat." Tesis PhD. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nik Mustapha Nik Mohd. Salleh. "Positivism Terhadap Pengalaman Dasar Suci Manusia di Juruskan kepada Lagu-lagu Rakyat dari Genre Sinkretik." Seminar Lagu Rakyat Tradisional Nusantara. Kuala Lumpur. 6-8 September, 1999.
- Nik Safiah Karim . (1993). *Segemal Padi Sekunca Budi Ke Arah Menghayati Budaya Padi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Nik Safiah Karim et.al (1993) *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim (1998). "Keindahan Pantun dari Sudut Sintaksis Bahasa Melayu" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 42:4 hlm. 355-361
- Nik Zainab Karim. "Indahnya Kesenian Melayu". *Widya*. Januari 1983:20-22.
- Nurazmi Kuntum. "Pengaruh Tamadun Islam Terhadap Kesenian Melayu". Dewan Budaya. Disember 1983:17-19.
- Omar Mamat (1995). "Aktiviti Berpantun dalam Pengajaran Bahasa", dlm *Pelita Bahasa*, 7:7 hlm. 22-23
- Othman Puteh (1997). *Teks Cerminan Nilai Budaya Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Ishak. (1979). *Hubungan antara Undang-undang Islam Dengan Undang-Undang Adat* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Padilah Ali. "Lagu Rakyat Memupuk Semangat Nasionalisme". Dewan Budaya November 1999: 12-13.

- Paul Bouissac (1998). *Encyclopedia of Semiotic*. New York: Oxford University Press.
- Paul Cobley dan Litza Jansz (1997). *Introducing Semiotics*. New York: Totem Books.
- Peirce Charles Sanders. (1965). *Collected papers Charles Sanders Peirce (Vol.1 & amp;II)*. Cambridge Massachuset. The Belknap Press of Harvard Universiti Press.
- Panuti Sudjiman & Aart van Zoest (peny.) (1992). *Serba-serbi Semiotika*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Utama.
- Puji Santosa (1993). *Ancangan Semiotika dan Pengkajian Susastra*, Jakarta: Penerbit Angkasa Bandung.
- Puteri Roslina Abdul Wahid (1994). "Bahasa dan Kognisi: Pemikiran dan Budaya dalam Bahasa Tersirat." dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, 38:4. April 1994 320-329
- Rahman Shaari (1994). "Mari Kita Berpantun", dalam *Pelita Bahasa*, 7:7 hlm 22-23
- Rahman Shaari (1996) "Bahasa Puisi: Kata-kata untuk Pembayang Pantun", dlm. *Pelita Bahasa*, 8:1 hlm. 15-16.
- Rahmah Bujang. "Seni Lagu Melayu Tradisi: Jambatan Penyatuan Orang Melayu" Seminar Lagu Rakyat Tradisional. Kuala Lumpur , 1994.
- Rahmah Bujang. "Lagu Tradisi Jambatan Penyatuan Orang Melayu".*Dewan Budaya*. November 1999.8-11.
- Rahmah Bujang (1989). *Seni Persembahan Bangsawan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli Mat Zin. "Penyelidikan Kebudayaan:Satu Tinjauan Umum". Seminar Kepimpinan dan Pengajian Kebudayaan. Port Dickson, 27-30 November, 1978.
- Redan Ginoh (1994). " Pantun: Bukan Sekadar Sama Pada Akhir Baris", dlm *Pelita Bahasa*, 6:7 hlm. 32-33.
- Rejab F.I. "Muzik Melayu Tradisional Satu Kajian Peralatan". *Dewan Budaya*.Februari 1979:13-16.
- Ridzuan Atan (1993). " Pembayang Maksud dan Pembawa Rangkap", dlm *Pelita Bahasa* 5:7 hlm 10-11.
- Robson, Rachel (1995). *Gendang Melayu Sarawak: A Pantun Exchange of The Sarawak Malay Community*. Tesi Master Falsafah. School of Humanities Murdoch University, Perth, West Australia.

- Robiah Mohammad et al. (1996). *Permainan Bongai dari Aspek Kajian Puisi Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Robiah Hasan. "Dikir Rebana Terkenal di Negeri Sembilan". *Gelombang*. Ogos 1979: 12-Rogayah A. Hamid, Jumaah Illias (peny.) (2006). *Lagu Rakyat Memupuk Kesantunan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohani Sulaiman.(2004). *Tafsiran Budaya*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Saragih, A (2006). *Bahasa dalam Konteks Sosial: Pendekatan Linguistik Fungsional Sistemik terhadap Tatabahasa dan Wacana*. Medan: Pascasarjana Unimed.
- Shahrulnizam Azuddin. "Wacana Pemikiran dan Epistimologi Alam Melayu". *Dewan Sastera*. Disember 2008: 15-17.
- Shamsul Amri Baharuddin. "Kepentingan Kajian Budaya". *Dewan Sastera*. September: 2005:48-50.
- Sharman Abu. 'Satu tinjauan tentang bunyi-bunyi vokal dajak dialek Negeri Sembilan'.*Dewan Bahasa*, Jld. 17,Bil 12 (Disember 1973). ms 556-559.
- Sharman Abu. 'Sistem Bunyi Konsonan dalam Dialek Negeri Sembilan'. *Dewan Bahasa*, Jld. 18. Bil. 6 (Jun 1974). ms 277-286.
- Sharifah Sofiah, Noor Farihah dan Marzelah Mahsin. "Teras Pemikiran Melayu". *Pemikir*. 2004:133-151.
- Shellebear, W.G. (1977). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- S. Othman Kelantan " Pantun, Genius Melayu, dan Pemimpin Muda" *Dewan Sastera* 1993 :23:10 hlm. 50-51
- Supardi Muradi. "Strukturalisme sebagai Disiplin Kritikan Sastera". *Dewan Sastera*. Jun 1984: 42-50.
- Supardy Muradi."Semiotik dan Kajian Perlambangan". *Dewan Sastera*. Disember 1985:35-39.
- Supardy Muradi. "Semiotik dan Muzik". *Dewan Sastera*. Mac 1985. 25-34.
- Supardy Muradi. "Saussure dan Struktural Linguistik – Timbangan itu Kembali Lagi". *Dewan Sastera*. Oktober 1986. 28-35
- Supardy Muradi. "Semiotik dan Prosa: Satu Tanggapan." Seminar Sehari Mengenai Semiotik. Universiti Sains Malaysia. Jun 1987.
- Supardy Muradi (1989). *Teori-teori Kesusasteraan Mutakhir: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Supardy Muradi (peny.) (1990). *Kesusasteraan Daripada Perspektif Semiotik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Aishah Murad. (1996). *Konsep Nilai dalam Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sutan Takdir Alisjahbana (1971). *Puisi Lama*. Petaling Jaya: Zaman Baru Ltd.
- Taha Abdul Kadir. “Muzik dan Tarian Tradisional Masyarakat Melayu Negeri Sembilan”. Seminar Identiti Budaya Negeri Sembilan. Seremban, 29 Julai – 01 Ogos 1988.
- Taha Abdul Kadir. (2006). *Bongai- Seni Permainan Tradisional Masyarakat Melayu Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tarigan, Henry Guntur. (1995). *Pengajaran Semantik*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Teeuw, A. (1992). *Membaca dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Alaudin Tengku Abd. Majid. “Pemuliharaan Lagu Rakyat Menguatkan Jati Diri”. *Dewan Budaya*. November 1999: 16-17.
- Tenas Effendy (ed.), (1994/95). *Pantun Sebagai Media Dakwah dan Tunjuk Ajar Melayu*. Projek Pembinaan dan Pengembangan Seni Budaya Riau, BAPPEDA TKT 1 Riau.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. (2007). *Teori Semiotik Peirce dan Morris: Satu Pengenalan Kaedah Analisis Sastera*. dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. (2009). *Semiotik Peirce: Penandaan dan Pemaknaan*. Kuala Lumpur: Quest Ahead Sdn. Bhd.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. (2006). “Novel-novel Anwar Ridhwan Satu Analisis Semiotik”. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Terence Hawkes (1997). *Structuralisme & Semiotics*. London: Methuen.
- Todorov, Tzvetan (1982). *Theories of Symbols*. Oxford: Basil Blackwell.
- Todorov, Tzvetan (1985). *Symbolisme and Interpretation*. New York: Cornell University Press.
- Umar Junus (1989). *Fiksyen dan Sejarah: Suatu Dialog*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus (1996). *Teori Moden Sastera dan Permasalahan Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Wan Dayang. "Ke Arah Mempopularkan Lagu Rakyat". *Dewan Budaya*. April:1988: 48-49.
- Wong Soak Koon. "Semiotik dan Puisi." Seminar Sehari Mengenai Semiotik. Universiti Sains Malaysia. 13 Jun 1987.
- Worawit Baru @ Ahmad Idris (2004). *Pemikiran Melayu Tradisi dan Kesenambungan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Van Zoest Aart. (1990). *Fiksi dan Non Fiksi dalam Kajian Semiotik*. Terj. Manoekmi Sardjoe. Jakarta: Intermasa.
- Van Zoest, Aart. (1993). *Semiotika: Tentang Tanda, Cara Kerjanya dan Apa yang Kita Lakukan Dengannya*. Terj. Jakarta: Yayasan Sumber Agung.
- Wan Abd. Kadir Wan Yusoff.ed. (1996) *Pantun Motivasi Masyarakat*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Winstedt, Richard, Sir .(1969). *A History Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- X.J Kennedy, Dana Gioia (1999). *An Introduction to Fiction*. New York: Logman.
- Yasman M.Z. "lagu Melayu Asli: Apakah akan Kekal Sepanjang Zaman". *Variasi*. Januari 1983: 56-58.
- Yusof Rawa. "Muzik dari Kaca Mata Islam". *Dewan Budaya*. Julai 1980:31-34
- Yoep Johari Yaakob. "Dialek Negeri Sembilan: Satu Lambang Ciri Budaya Negeri Sembilan". Seminar Kebangsaan Adat Papatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Putra Malaysia, 5-8 Mei 1984.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bakar (peny.), (1983). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Bakar. (1984). *Kumpulan Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Borhan. "Pantun Dondang Sayang Melaka: Olahan Cinta Kasih Melayu". Seminar Lagu Rakyat Tradisional. Kuala Lumpur , 1994.
- Zainal Kling (1993). *Kebudayaan Melayu: Satu Penelitian Ethnomethodologi*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zulkifley Hamid (2000). *Bahasa Konsep Fungsi dan Penguasaannya oleh Penutur*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.